

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Tujuh kes baharu dicatat

Pasukan petugas khas KKM bentang laporan terkini kepada PM

Oleh Rohaniza Idris, Suzalina Halid, Safeek Affendy Razali dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tujuh kes baharu COVID-19 dicatatkan semalam, menjadikan keseluruhan 36 kes direkodkan di negara ini, menurut Pejabat Perdana Menteri.

Daripada 36 kes itu, jumlah kes sembuh adalah 22 (61.1 peratus) dan 14 kes masih dirawat di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Kuala Lumpur.

Pejabat Perdana Menteri memaklumkan, semua kes yang dirawat di wad adalah dalam keadaan stabil.

Maklumat itu dibentangkan Pasukan Petugas Khas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada pertemuan dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin di pejabatnya, semalam.

Pertemuan yang turut menyentuh mengenai status terkini jangkitan berkenaan disertai Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri M Shahrul Ikram Yaakob; Ketua



Muhyiddin pada taklimat status COVID-19 oleh Pasukan Petugas Khas Kementerian Kesihatan di Bangunan Perdana Putra, semalam. (Foto BERNAMA)

Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Mohd Mohd Abd Rahman; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud.

Secara keseluruhan, Muhyiddin berpuas hati dengan agensi kerajaan yang melaksanakan tugas dengan baik dalam menguruskan penularan COVID-19 dan merakamkan penghargaan kepada semua pihak terbabit khususnya kakitangan barisan hadapan dan kakitangan perubatan.

Perdana Menteri juga mengarahkan Pasukan Petugas Khas terus memantau status dan usaha pencegahan penularan COVID-19 bagi memastikan kesejahteraan

rakyat Malaysia.

"Mereka yang berkunjung ke negara berisiko seperti China, Korea Selatan, Jepun dan Itali hendaklah mematuhi nasihat perjalanan dan kesihatan yang dikeluarkan dan segera ke hospital atau klinik sekiranya mempunyai simptom seperti batuk, demam dan sesak nafas," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, tujuh lagi kes baharu ialah individu yang ada sejarah perjalanan ke Shanghai, China, pada pertengahan Januari lalu.

"Bagi kes ke-30, ia membabitkan seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 38 tahun dan pernah ke Australia dari 12 hingga 16 Februari lalu.

Dr Noor Hisham berkata, untuk kes ke-35, ia membabitkan seorang wanita berusia 50 tahun dan pernah ke Australia pada 31 Januari lalu sebelum pulang ke negara ini pada 16 Februari lalu.

"Bagi kes terakhir, ke-36, individu ini ialah seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 49 tahun, yang pernah ke Mesir pada 23 Januari sebelum pulang ke Malaysia pada 1 Februari," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, beliau tidak pernah mengeluarkan kenyataan kepada orang ramai supaya menjauhi kawasan Pantai dan Bangsar di sini dalam tempoh 10 hari akan datang kerana jangkitan COVID-19 seperti tular menerusi media sosial.

Katanya, laporan BERNAMA yang menyatakan seolah-olah Dr Noor Hisham yang mengeluarkan nasihat sedemikian adalah tidak tepat.

Perenggan tidak tepat dalam berita itu sudah dimasukkan dalam laporan berita yang memetik kenyataan Dr Noor Hisham memuji tindakan segera pakar perunding kardiologi Hospital Pantai Kuala Lumpur Datuk Dr Sanjiv Joshi, yang secara suka rela menjarakkan dirinya dari hospital, klinik dan keluarganya selama 14 hari.

Dr Sanjiv diuji negatif bagi COVID-19, namun beliau terus kuarentin dirinya ketika tempoh inkubasi kerana 'mencegah lebih baik daripada mengubati'.

"Dia kini berada di Hospital Sungai Buloh dan dalam keadaan stabil.

"Bagi kes ke-31, individu berkenaan ialah seorang lelaki berusia 50 tahun. Kes ke-32, seorang wanita berusia 43 tahun. Kedua-dua mereka tidak ada sejarah perjalanan ke luar negara," katanya menerusi kenyataan.

Seterusnya, kes ke-33 membabitkan seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 58 tahun, mempunyai sejarah perjalanan ke Kuching, Sarawak.

"Bagi kes ke-34 pula ialah seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 40 tahun. Individu ini adalah seorang paramedik di sebuah hospital dan memberikan rawatan kepada kes ke-26," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2A

RUANGAN : LOKAL

Jangan panik

PM puas hati agensi laksana tugas dengan baik



KEMENTERIAN Kesihatan Malaysia membuka ruangan khas bagi saringan wabak koronavirus 2019 (Covid-19) di Klinik Kesihatan Sungai Buloh. Gambar kecil, orang ramai mula memakai penutup muka.



Oleh Rohaniza Idris
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Angka mengejutkan apabila sebanyak tujuh kes baharu jangkitan Covid-19 dicatatkan semalam, menjadikan keseluruhan 36 kes direkodkan di negara ini.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataannya berkata, sebanyak 22 pesakit (61.2 peratus) sudah sembuh

dan 14 kes masih lagi dirawat di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Kuala Lumpur.

Difahamkan semua kes yang dirawat di wad dalam keadaan stabil.

Maklumat itu dibentangkan Pasukan Petugas Khas Kementerian Kesihatan pada pertemuan dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin di pejabatnya, semalam.

Pertemuan itu turut membabitkan perbincangan mengenai status terkini wabak Covid-19 membabitkan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri M Shahrul Ikram Yakob, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Mo-

htar Mohd Abd Rahman, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud.

Secara keseluruhan Muhyiddin berpuas hati dengan agensi kerajaan yang melaksanakan tugas dengan baik dalam menguruskan penularan Covid-19 dan merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat khususnya kakitangan barisan hadapan dan kakitangan perubatan.

Perdana Menteri juga mengarahkan Pasukan Petugas Khas terus memantau status dan usaha pencegahan penularan Covid-19 bagi memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri menasihatkan seluruh rakyat tidak

panik dengan melakukan pembelian panik dan sentiasa mengambil langkah penjagaan kesihatan seperti mana digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Mereka yang berkunjung ke negara berisiko seperti China, Korea Selatan, Jepun dan Itali hendaklah mematuhi nasihat perjalanan dan kesihatan yang dikeluarkan dan segera ke hospital atau klinik sekiranya mempunyai simptom seperti batuk, demam dan sesak nafas," menurut kenyataan itu.

Sehingga jam 8 pagi semalam jumlah keseluruhan kes Covid-19 90,306 kes membabitkan 70 negara dan sebanyak 45,603 (50.5 peratus) kes sembuh dan 3,084 (3.4 peratus kematian) dicatatkan.

Staf Uda diarah kerja dari rumah

Kuala Lumpur: Kaktangan Ibu Pejabat Uda Holdings Berhad (Uda) di Blok Menara Kompleks Pertama di Kuala Lumpur diarah bekerja dari rumah, susulan seorang Ahli Lembaga Pengarah mereka disahkan positif Covid-19.

Uda dalam kenyataan berkata, arahan itu berkuat kuasa bermula semalam sehingga diberitahu kelak.

"Semua kakitangan dibenarkan pulang awal petang semalam (kemarin) untuk memudahkan urusan pembersihan bagi mencegah penularan

wabak itu.

"Dalam memperingatkan kawalan keselamatan dan tahap kesihatan, Uda turut menghadkan aliran keluar masuk orang luar ke Ibu Pejabat," kata kenyataan itu, semalam.

Menurut kenyataan lagi, Uda turut menjalankan saringan kesihatan dan pemeriksaan suhu di lobi Ibu Pejabat.

"Pelawat dan kakitangan disediakan penutup mulut dan hidung serta pembasmi kuman sebagai langkah berjaga-berjaga," katanya.

Tiada disahkan positif di Pahang

Kuantan: Jabatan Kesihatan Pahang, semalam menafikan terdapat pesakit yang disahkan positif Covid-19 di negeri itu.

Pengarahnya, Datuk Dr Bahari Awang Ngah berkata, pesanan WhatsApp yang tular mendakwa terdapat tiga sekeluarga disyaki dijangkiti virus dan diletakkan di bawah arahan kuarantin tidak tepat.

Katanya, tiga sekeluarga dari Rompin itu hanya diletakkan di bawah pesakit dalam siasatan (PUI) selepas pulang bercuti dari Korea Selatan sebagai langkah kawalan.

"Korea Selatan satu daripada lima negara paling tinggi kes Covid-19 dan prosedur kesihatan kita mereka yang pulang dari negara terbabit

diletakkan di bawah PUI jika mempunyai simptom seperti batuk.

"Manskala bayi berusia lapan bulan yang dimasukkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) hanya sebagai langkah berjaga-jaga, memandangkan usianya yang terlalu muda," katanya.

Sehubungan itu, Dr Bahari berharap masyarakat tidak panik dan tidak menularkan pesanan menentusi WhatsApp itu bagi mengelak kebimbangan dalam kalangan masyarakat.

"Selain itu, pesanan itu juga membabitkan isu kerahsiaan pesakit kerana identitinya didedahkan. Ini adalah perkara yang perlu difahami semua sebelum menyebarkan pesanan tersebut," katanya.

Nafi tegah kunjungi taman permainan

Johor Bharu: Jabatan Kesihatan Johor menafikan mengeluarkan kenyataan mengarahkan penduduk di Bandar Putra Kulai, di sini, supaya tidak mengunjungi padang dan taman permainan berikutan penularan koronavirus baharu (Covid-19).

Kenyataan dikeluarkan menerusi laman rasmi jabatan itu di Facebook turut mengingatkan persatuan penduduk supaya tidak mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan penularan Covid-19 tanpa mendapatkan pengesahan pihak berkuasa.

"Ini boleh menimbulkan situasi panik dan kebimbangan dalam kalangan penduduk yang boleh menyukarkan

Jabatan Kesihatan menjalankan tugas.

"Di samping itu, terdapat maklumat tidak betul dan jabatan Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kenyataan bahawa padang serta taman permainan tidak boleh dikunjungi buat masa ini," kata jabatan itu menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Jabatan itu turut menasihati penduduk memakai penutup hidung dan mulut jika mempunyai tanda seperti batuk, sesela dan sakit tekak.

"Fungsi utama menghalang jangkitan Covid-19, malah boleh menyumbang kepada risiko jangkitan seliranya pemakaiannya leka terhadap tindakan pencegahan seperti kebersihan diri," katanya.

Tindakan Dr Sanjiv jauhkan diri dipuji

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memuji tindakan segera diambil Pakar Perunding Kardiologi Hospital Pantai Kuala Lumpur Datuk Dr Sanjiv Joshi yang secara sukarela menjarakkan dirinya dari hospital, klinik dan keluarganya selama 14 hari.

Dalam kenyataan yang dimuat naik di Facebooknya, Dr Noor Hisham berkata, walaupun Dr Sanjiv diuji negatif bagi Covid-19, beliau terus kuarantin dirinya semasa tempoh inkubasi kerana mencegah lebih baik

daripada mengubati.

"Dr Sanjiv merawat Kes 29 (wanita berusia 35 tahun yang berkongsi bilik dengan Kes 24) yang kemudiannya diuji positif Covid-19. Dr Sanjiv sukarela menjarakkan dirinya bagi tempoh 14 hari (daripada orang awam), saya berharap semua kontak rapat beliau akan meniru tindakan beliau untuk melakukan apa yang betul," katanya.

Beliau mengulas kenyataan dikeluarkan Hospital Pantai Kuala Lumpur semalam hospital swasta itu kuarantin semua petugas dan

pesakit yang mempunyai kontak dengan pesakit warga Jepun (kes ke-24) bermula 26 Februari.

Beliau turut menegaskan tidak mengeluarkan sebarang kenyataan kepada orang ramai supaya menjauhi kawasan Pantai dan Bangsar.

Terdahulu, tular mesej WhatsApp yang meminta orang ramai menghindari (hospital) Pantai Bangsar bagi tempoh 10 hari akan datang kerana Dr Sanjiv sedang menjalani kuarantin berikutan seorang daripada pesakitnya (kes 29) dima-

sukkan ke Hospital Pantai Kuala Lumpur dijangkiti Covid-19 daripada kes ke-24.

Hospital Pantai Kuala Lumpur dalam kenyataannya menyebut pelajar jururawat (kes ke-27) dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur pada 29 Februari selepas beliau mempunyai kontak dengan pesakit warga Jepun (kes 24) pada 21 dan 22 Februari.

"Semua petugas dan pesakit yang dikesan mempunyai kontak dengan pelajar jururawat diletakkan di bawah kuarantin. Ujian awal Covid-19 terhadap mereka negatif," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION/NEWS

36 IN TOTAL

7 NEW COVID-19 CASES RECORDED

14 patients receiving treatment at Sungai Buloh, KL hospitals in stable condition

SARAH RAHIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

SEVEN new cases of Covid-19 infection have been recorded in the country up to yesterday, bringing the total number of confirmed cases to 36. The Health Ministry, in an update on its official Twitter account (@KKM-Putrajaya) at 3.25pm, said 14 patients were receiving treatment at Sungai Buloh Hospital and Kuala Lumpur Hospital, with 22 others already discharged.

Those receiving treatment are in stable condition.

A statement from the Health Ministry said all seven new cases have had close contacts with a Khazanah Nasional Bhd employee and a member of the UDA Holdings Bhd board, who is Case-26. It was earlier reported that the Malaysian man, 52, travelled to Shanghai, China in mid-January.

It added that Case-30 is a 38-year-old Malaysian man with a travel history to Australia on Feb 12 and was found through contact tracing. He tested positive for Covid-19 on Monday.

Case-31, who also tested positive on Monday, is a Malaysian man, 50, with overseas travel history.

A 43-year-old woman, the 32nd case, had no prior travel history and was found through contact tracing.

Case-33 is a man, 58, with a travel history to Kuching, Sarawak for a meeting on Feb 16. He also tested positive for Covid-19 on Monday.

The 34th case is a paramedic officer, 40, from a local hospital, who provided medical help to the person in the 26th case. He tested positive yesterday.

The 35th and 26th cases involve a Malaysian woman, 50, and a Malaysian man, 49. Both have had overseas travel history to Australia (Jan 31) and Egypt (Jan 23) respectively.

In a separate matter, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah refuted a recent news report claiming that he urged the public to avoid the Pantai and Bangsar areas over the next 10 days due to Covid-19 infection. The report went viral on social media.

He said the report by national news agency Bernama was inaccurate.

"The erroneous paragraph was in a Bernama report quoting Dr Noor Hisham, who praised the quick action taken by Pantai Kuala Lumpur Hospital cardiologist Datuk Dr Sanjiv Joshi, who voluntarily distanced himself from the hospital,



Workers sanitising the UDA Holdings Bhd office at Blok Menara, Kompleks Pertama in Kuala Lumpur yesterday. PIC COURTESY OF UDA HOLDINGS BHD.

clinic and family for 14 days."

He said Dr Sanjiv, despite testing negative for Covid-19, quarantined himself during the incubation period and described it as "prevention is better than cure".

"Dr Sanjiv was treating Case-29 (a 35-year-old woman who shared a room with Case-24), who later tested positive for Covid-19. Dr Sanjiv voluntarily distanced himself (from the public) for 14 days.

"I hope those who came into close contact with him will emulate his action to do what is right," said Dr Noor Hisham, quoted by Bernama from his official Facebook post on Monday night.

The inaccurate news item had created worry for residents in that area and to those who wanted to visit the hospital and its surrounding areas.

Bernama said it had made a correction on the news item and issued a notice about the error, but the report had already been published by a few media organisations.

"After Bernama contacted the related editors, the news (item) was removed from their portals. Bernama regrets the publishing of the inaccurate report," read the report.

Bernama reported that UDA employees at Blok Menara, Kompleks Pertama were instructed to work from home effective yesterday until a date that would be determined later.

In a statement issued yesterday, the government-linked company said the work-at-home directive was issued as a member of its board of directors had tested positive for Covid-19, as announced by UDA on Monday.

Following the measure on Monday, UDA had undertaken efforts to clean and disinfect the office and its surrounding areas.

Other measures include limiting the entry of outsiders into the office, screening for temperature at the lobby and providing face masks and hand sanitisers to staff and visitors.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

Total Covid-19 cases now at 36

Ministry: Seven new infections had close contact with UDA board member

PETALING JAYA: All seven new Covid-19 cases reported were found to have been in close contact with the country's 26th patient - an Uda Holdings Bhd board member, says the Health Ministry.

This brings the total number of cases to 36 yesterday.

Among the seven included a paramedic who provided aid to him, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah in a Facebook post.

"Case 34 is a local man, aged 40. The patient is a paramedic and had provided treatment to the 26th case. He has no history of overseas travel. He was confirmed positive on March 3 and has been admitted to the Sungai Buloh Hospital," he said in the Facebook post.

Patients 30 and 35 were found to have travelled to Australia recently, while patient 33 attended a meeting in Kuching on Feb 16.

Dr Noor Hisham said that patients 31 and 32 have no record of overseas travel.

All patients have been admitted to the Sungai Buloh and Kuala Lumpur hospitals.

"The Health Ministry will continue their surveillance on the Covid-

19 infection from time to time. Contact tracing for the 26th case and other newly reported cases are currently under way," he said.

Earlier, a statement from the Prime Minister's Office (PMO) said, of the positive Covid-19 cases, 14 of the 36 patients are still being treated at the Kuala Lumpur Hospital and Sungai Buloh Hospital while the rest had recovered.

"All the patients under treatment are in stable condition," said the statement, which was issued after Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin was briefed on the Covid-19 situation by the Health Ministry Special Task Force in Putrajaya yesterday.

The statement added that as at 8am yesterday, the number of Covid-19 cases in 70 countries were 90,306, with 45,603 cases or 50.5% having recovered while 3,084 deaths were recorded.

Earlier, Muhyiddin held a meeting with Chief Secretary to the Government Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Foreign Ministry secretary-general Datuk Seri M. Shahrul Iqram Yaakob and National Disaster Management Agency (Nadma) director-general Datuk Mohhtar

Mohd Abd Rahman.

Also present at the briefing were Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah and Immigration Department director-general Datuk Khairul Dzairnee Daud.

The statement said two humanitarian relief missions to evacuate Malaysians and their dependants from Wuhan, China, had been conducted by Nadma in collaboration with the Health Ministry and related agencies.

"In the first mission, 107 Malaysians and their dependants were brought back on Feb 4 and all were found negative after having undergone a 14-day health screening at the Higher Education Leadership Academy on Feb 18.

"In the second mission, 68 Malaysians and their dependants were brought back from Wuhan, and they are undergoing health screening at AKEPT from Feb 26 until March 11," said the statement.

It also said that on Feb 22, 100 Malaysian crew members of the World Dream Cruise underwent health screening at INTAN Wilayah Selatan and all were found negative and placed under a 14-day home

surveillance.

"Those visiting risk countries like China, South Korea, Japan and Italy should abide by travel and health advisories which have been issued and immediately go to hospital or a clinic if they have symptoms like cough, fever and shortness of breath," the statement said.

In Kuantan, the Pahang Health Department denied that there were Covid-19-positive patients in the state as of yesterday.

Department director Datuk Dr Bahari Awang Ngah said the viral WhatsApp message which claimed that three members of a family were suspected of being infected and placed under quarantine orders was inaccurate.

He said the three individuals from Rompin were only placed under the Persons Under Investigation (PUI) list after returning home from South Korea as a control measure.

"South Korea is among the top five countries in terms of Covid-19 cases and our health procedure is for those returning from the affected countries to be placed under the PUI if they have cough-like symptoms.

"The eight-month-old baby who

was admitted to the Tengku Ampuan Afzan Hospital was only as a precautionary measure given his age," he said when contacted by Bernama here yesterday.

Dr Bahari hoped the community would not panic and spread such messages on WhatsApp to avoid causing public anxiety.

"In addition, the message also affects the confidentiality of the patients, because their identities have been disclosed. This is a key aspect that everyone should understand before disseminating the message," he said.

The WhatsApp message claimed that a 34-year-old man and his two sons were placed under quarantine on suspicion of having contracted Covid-19, after they complained of experiencing cough following their vacation in South Korea.

In Johor Baru, the Johor Health Department denied having issued a statement asking the public to avoid the playground at the Alpina residential area in Bandar Putra, near Kulai, due to Covid-19.

The department, in a statement uploaded on its Facebook page, said no Covid-19 infection had been detected in the area so far.



Taking no chances: UDA carrying out proactive measures to sanitise its headquarters in Kuala Lumpur.

UDA stringent in curbing Covid-19 spread at workplace

By RAHIMY RAHIM
rahimy@thestar.com.my

PETALING JAYA: UDA Holdings Berhad (UDA) has put in place more measures to protect its employees and visitors against the Covid-19 outbreak after one of its board members tested positive.

UDA, a property company under the Entrepreneur Development ministry, said it had taken proactive steps, including to allow employees to leave early in a bid to sanitise its headquarters at Kompleks Pertama, Kuala Lumpur.

"UDA is committed to implementing all steps in line with the recommendations by the Health Ministry to curb the outbreak, especially within our headquarters," the company said in a statement yesterday.

On Monday, UDA said the affected person was quarantined at a government hospital.

"Following this, UDA is now taking precau-

tionary measures to identify individuals that had close contact with the affected individual. UDA is also working with the Health Ministry (MOH) on this matter," noted the company.

To further boost control of security and health, UDA has limited the flow of individuals entering and leaving its headquarters.

"UDA also will screen visitors by checking their temperature at the lobby. Visitors and staff were given face masks and hand sanitizers as a preventative measure.

"Other initiatives taken by UDA to protect the welfare of its staff and to curb any more cases included allowing all staff serving at the headquarters to work from home until further notice."

A former minister and his deputy were recently seen in close contact with a corporate executive identified as the 26th person in Malaysia infected with the disease.

However, the Health Ministry said both men tested negative.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Laksana perbelanjaan lebih berhemah

Perdana Menteri mahu pastikan kedudukan kewangan negara terus kukuh

Oleh JUNHAIRI ALYASA

PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam telah mengadakan mesyuarat bagi mendapatkan maklumat lengkap mengenai kedudukan ekonomi dan fiskal negara dan kedudukan terkini wabak novel koronavirus (Covid-19). Berikut adalah kenyataan penuh beliau:

Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dengan Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Pertemuan ini turut dihadiri oleh pegawai kanan daripada kementerian tersebut.

Dalam sesi tersebut, Perdana Menteri telah diberi penerangan tentang situasi ekonomi semasa, kedudukan fiskal dan hutang negara serta langkah-langkah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) yang baru diumumkan.

Perdana Menteri turut menekankan pelaksanaan perbelanjaan secara lebih berhemah dan mengurangkan ketirisan bagi memastikan kedudukan kewangan negara terus kukuh.

Di samping itu, kedudukan hutang dan liabiliti kerajaan juga diberi perhatian dan setiap projek yang akan dilaksanakan perlu diperhalusi agar tidak membebankan komitmen kewangan dan

hutang kerajaan.

Perdana Menteri juga berpandangan peruntukan Belanjawan tahunan seharusnya dapat mendatangkan pulangan besar kepada pertumbuhan ekonomi menjana pendapatan rakyat dan negara.

Oleh yang demikian, keberkesanan program dan projek kerajaan perlu dipertingkatkan lagi supaya setiap wang awam yang dibelanjakan dapat mendatangkan manfaat sepenuhnya kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Dalam hal ini, Perdana Menteri telah mengarahkan supaya jentera kerajaan mengambil perhatian serius bagi melaksanakan dan mempercepatkan pelaksanaan langkah Belanjawan 2020 serta PRE ini.

Perbincangan juga bertumpu kepada agenda untuk memperkasa aktiviti ekonomi domestik dan memastikan kesejahteraan rakyat, seterusnya melonjakkan ekonomi negara ke tahap yang lebih kompetitif.

Berhubung dengan langkah PRE, Kementerian Kewangan perlu memastikan pelaksanaan kesemua inisiatif berjalan dengan lancar dan segera serta memantau keseluruhan impak dan prestasi langkah PRE ini.

Wabak Covid-19

Perdana Menteri kemudian telah mengadakan perbincangan bersama Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Ketua Pengarah Kesihatan KKM, Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara dan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen mengenai



Muhyiddin (tengah) bersama Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali (kiri) dan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah semasa taklimat status Covid-19 oleh Pasukan Petugas Khas Kementerian Kesihatan di Bangunan Perdana Putra semalam.

status terkini wabak koronavirus (Covid-19).

Sehingga jam 8 pagi, 3 Mac 2020, jumlah keseluruhan kes Covid-19 adalah sebanyak 90,306 kes yang melibatkan 70 buah negara dilaporkan. Sebanyak 45,603 (50.5 peratus) kes sembuh dan 3,084 (3.4 peratus) kematian dicatatkan.

Terdapat tujuh kes baharu dilaporkan di Malaysia semalam. Oleh itu, kini terdapat 36 kes direkodkan di mana setakat ini jumlah kes sembuh adalah 22 (61.1 peratus).

Sebanyak 14 kes masih lagi dirawat di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Kuala Lumpur. Kesemua kes yang dirawat di wad adalah dalam keadaan stabil.

Dimaklumkan bahawa dua misi bantuan kemanusiaan untuk membawa pulang rakyat Malaysia bersama tanggungan (pasangan/anak) dari Wuhan, China telah dilaksanakan dan diselenggarakan oleh Nadma bersama Kementerian Kesihatan dan agensi-agensinya berkaitan.

Dalam misi pertama, 107 warganegara Malaysia dan tanggungan telah dibawa pulang pada 4 Februari 2020 dan telah selesai menjalani saringan kesihatan selama 14 hari di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) pada 18 Februari 2020. Kesemua 107 didapati negatif.

Dalam misi kedua, seramai 68 warganegara Malaysia dan tanggungan yang dibawa balik dari Wuhan sedang menjalani saringan kesihatan di AKEPT mulai 26 Februari hingga 11 Mac 2020.

Pada 22 Februari 2020, seramai 100

kru warganegara Malaysia dari *World Dream Cruise* telah menjalani saringan kesihatan di INTAN Wilayah Selatan (IKWAS).

Kesemuanya didapati negatif dan sedang menjalani *home-surveillance* selama 14 hari di kediaman masing-masing.

Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Kerja Mengenai Covid-19 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara bermesyuarat secara berkala bagi meneliti status situasi terkini dan mengambil tindakan bagi mengengkang penularan Covid-19.

Perdana Menteri berpuas hati dengan agensi kerajaan yang telah melaksanakan tugas dengan baik dalam menguruskan penularan Covid-19 dan merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat khususnya kakitangan barisan hadapan dan kakitangan perubatan.

Perdana Menteri juga mengarahkan agar pasukan petugas khas terus memantau status dan usaha-usaha pencegahan penularan Covid-19 bagi memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Perdana Menteri menasihatkan seluruh rakyat agar tidak panik dengan melakukan *panic-buying* dan sentiasa mengambil langkah-langkah penjagaan kesihatan sepertimana yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan.

Mereka yang berkunjung ke negara berisiko seperti China, Korea Selatan, Jepun dan Itali hendaklah mematuhi nasihat perjalanan dan kesihatan yang dikeluarkan dan segera ke hospital/ klinik sekiranya mempunyai simptom seperti batuk, demam dan sesak nafas.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : NASIONAL

Kahwin lewat rendahkan kadar kesuburan

DILEMA BUJANG
SENJA MALAYSIA

Kadar kesuburan rakyat Malaysia kian merosot setiap tahun

Oleh NURUL RIDUAN NOR ASHAHA dan LIZA MOKHTAR

SHAH ALAM

Trend kahwin lewat bakal menyebabkan saiz keluarga di Malaysia menjadi lebih kecil berikutan tahap kesuburan wanita yang semakin menurun.

Malah, Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2018 mendedahkan kadar kehamilan di negara kita telah jatuh mendadak ke tahap yang terendah dalam sejarah apabila nisbah kadar kehamilan buat wanita yang berusia 15 hingga 49 tahun hanya 1.8 bayi.

Pakar Sakit Puan (Obstetriks & Ginekologi) Hospital Tuanku Azizah (Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuala Lumpur), Dr Nur Afidah Mat Yusof berkata, ini kerana tahap kesuburan wanita pada umur 40 tahun berkurangan hampir separuh daripada tahap kesuburannya ketika berumur 30 tahun.

Disebabkan itu katanya, wanita



Laporan Khas Sinar Ahad 1 Mac 2020.



Kadar kesuburan rakyat Malaysia terus jatuh disumbang oleh trend kahwin lewat. Gambar kecil: Dr Nur Afidah

digalakkan merancang keluarga sebelum mencapai usia berkenaan.

"Berbeza dengan lelaki, faktor umur kurang memberi impak kepada kesuburan lelaki kerana mereka tidak menopause seperti wanita.

"Bagaimanapun tahap kesuburan lelaki masih boleh terjejas terutamanya selepas umur 40 hingga 45 tahun," katanya kepada *Sinar Ahad* baru-baru ini.

Mengulas lanjut Dr Nur Afidah berkata, walaupun bagaimanapun terdapat rawatan kesuburan secara moden buat wanita yang mahu mengandung pada usia lewat.

Namun katanya, ia memerlukan pemeriksaan pakar sakit puan untuk menentukan rawatan terbaik buat wanita tersebut.

"Terdapat rawatan kesuburan secara moden di mana pada peringkat permulaan ia menggunakan ubat untuk mencetuskan kematangan ova-

Kadar kesuburan di Malaysia

Tahun 2018 - 1.8 anak
Tahun 2017 - 1.9 anak
Tahun 2016 - 1.9 anak
Tahun 2015 - 2.0 anak

Kadar kesuburan di negara maju

Australia - 1.8 anak
United Kingdom - 1.8 anak
Kanada - 1.5 anak
Singapura - 1.2 anak
Korea Selatan - 1.1 anak

* Kadar paras penggantian kesuburan ialah 2.1 anak. Kadar itu mencukupi untuk menggantikan dirinya dan juga pasangannya.

ri dan ovulasi bersama dengan hubungan kelamin atau dengan kaedah pernian beradas.

"IVF atau Invitro Fertilisation pula adalah kehamilan secara tabung uji yang biasanya dianjurkan pada wanita yang mahu mengandung pada usia lewat," katanya.

Dr Nur Afidah juga menjelaskan, wanita yang mengandung pada usia lebih 35 tahun bakal berdepan dengan risiko kesihatan yang tinggi.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

Tujuh kes baharu positif Covid-19

Tujuh kontak rapat ahli lembaga pengarah syarikat disah positif

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Seramai tujuh individu yang disahkan positif koronavirus (Covid-19) semalam merupakan kontak rapat seorang ahli lembaga pengarah sebuah syarikat yang sebelum ini positif wabak berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, semua kes berkenaan melibatkan rakyat tempatan.

"Bagi kes ke-30, pesakit ialah seorang lelaki berusia 38 tahun dan mempunyai sejarah perjalanan ke Australia pada

12 Februari lalu sebelum pulang ke tanah air empat hari kemudian.

"Lelaki berkenaan tidak menunjukkan sebarang gejala dan kes disahkan positif semalam (kelmarin) semasa aktiviti pengesanan kontak dilakukan.

"Pesakit dalam keadaan stabil dan dirawat di wad isolasi Hospital Sungai Buloh," katanya.

Sementara itu, katanya, seorang lelaki berusia 50 tahun direkodkan sebagai kes ke-31 yang tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara, namun dilaporkan mula bergejala pada 26 Februari lalu dan turut disahkan positif wabak tersebut kelmarin.

Bagi kes ke-32, beliau berkata, ia melibatkan seorang wanita berusia 43 tahun yang bergejala pada 27 Februari



DR NOOR HISHAM

lalu yang disahkan positif kelmarin.

"Dia tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan kini dirawat di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

"Kes ke-33 pula melibatkan seorang lelaki berusia 58 tahun yang menghadiri mesyuarat di Kuching, Sarawak pada 16 Februari lalu.

"Kes disahkan positif semalam (kelmarin) dan pesakit dirawat di Hospital Sungai Buloh serta dalam keadaan stabil.

"Seorang paramedik hospital berusia 40 tahun merupakan kes ke-34 yang dirawat kes ke-26. Dia disahkan positif hari ini (semalam) dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, seorang wanita berusia 50 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke Australia pada

31 Januari lalu dan pulang ke Malaysia pada 16 Februari merupakan kes ke-35.

Menurutnya, wanita itu yang kini ditempatkan di Hospital Sungai Buloh disahkan dalam aktiviti pengesanan kontak dan disahkan positif semalam.

"Bagi kes ke-36, seorang lelaki berusia 49 tahun telah mengunjungi Mesir pada 23 Januari sebelum pulang ke tanah air pada 1 Februari lalu.

"Dia tidak menunjukkan sebarang gejala, namun pengesanan kontak dilakukan dan disahkan positif Covid-19 hari ini (semalam). Dia dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh dan dalam keadaan stabil," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan yang sama, Kementerian Kesihatan akan terus memantau perkembangan jangkitan Covid-19 dari masa ke masa.

"Aktiviti pengesanan kontak rapat bagi kes ke-26 dan kes-kes baharu yang dilaporkan masih dijalankan," katanya.

TUJUH KES BAHARU COVID-19

Kes ke-30
Lelaki berusia 38 tahun, mempunyai sejarah perjalanan ke Australia pada 12 Februari

Kes ke-31
Lelaki berusia 50 tahun, tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara

Kes ke-32
Wanita berusia 43 tahun, tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara

Kes ke-33
Lelaki berusia 58 tahun, menghadiri mesyuarat di Kuching, Sarawak pada 16 Februari

Kes ke-34
Seorang paramedik hospital berusia 40 tahun, merawat kes ke-26

Kes ke-35
Wanita berusia 50 tahun, mempunyai sejarah perjalanan ke Australia pada 31 Januari

Kes ke-36
Lelaki berusia 49 tahun, mengunjungi Mesir pada 23 Januari

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : SINAR NEGERI

Tiada kes Covid-19 di Pahang

KUANTAN - Jabatan Kesihatan Pahang semalam menafikan terdapat pesakit yang disahkan positif koronavirus (Covid-19) di negeri itu.

Pengarahnya, Datuk Dr Bahari Awang Ngah berkata, pesanan WhatsApp yang tular mendakwa terdapat tiga sekeluarga yang disyaki dijangkiti Covid-19 dan diletakkan di bawah arahan kuarantin adalah tidak tepat.

Menurutnya, tiga sekeluarga dari Rompin itu hanya diletakkan di bawah pesakit dalam siasatan (PUI) selepas mereka pulang bercuti dari Korea Selatan sebagai langkah kawalan.

"Korea Selatan merupakan satu daripada lima negara paling tinggi kes Covid-19 dan prosedur kesihatan kita adalah mereka yang pulang dari negara terlibat diletakkan di bawah PUI jika mempunyai simptom seperti batuk.

"Sementara itu, bayi beru-



DR BAHARI

sia lapan bulan yang dimasukkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) hanya sebagai langkah berjaga-jaga kerana usianya yang terlalu muda," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Sehubungan itu, Dr Bahari berharap masyarakat tidak panik dan tidak menularkan pesanan menerusi WhatsApp bagi mengelak kebimbangan dalam kalangan masyarakat.

"Selain itu, pesanan itu juga melibatkan isu kerahsiaan pesakit kerana identitinya didedahkan.

"Ia aspek utama yang perlu difahami semua sebelum menyebarkan pesanan itu," katanya.

Pesanan WhatsApp itu mendakwa tiga sekeluarga terdiri daripada seorang lelaki berusia 34 tahun bersama dua anak lelakinya diletakkan di bawah kuarantin disyaki Covid-19 kerana mengadu batuk selepas bercuti di Korea Selatan. - *Bernama*